

TARIKH: 11/2/2023
SURAT KHABAR: Harian metro
MUKA SURAT: 7

Harian Metro | Sabtu 11.02.2023

@hmetromy HarianMetro @hmetromy www.hmetro.com.my

7

lokal

SKSSR PERKESO BANTU RINGAN BEBAN WARIS, MYFUTUREJOBS PELUANG CARI KERJAYA

PERLINDUNGAN INKLUSIF

Oleh Suliatu Asri
suliatu@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Saya tidak me-nyangka arwah mencarum Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) kerana arwah tidak pernah memberitahu saya apa-apa.

“Dia hanya berpesan, se-lagi masih bernyawa, jagalah anak elok-elok. Itu tang-gungjawab,” kata Shafie Apandi, 64, suami kepada Che Tom Lah, iaitu penca-rum Skim Keselamatan So-sial Suri Rumah (SKSSR).

SKSSR adalah skim yang menyediakan perlindungan terhadap bencana domestik dan keilatan seperti kema-langan, penyakit ataupun kematian dan memberi manfaat faedah perubatan, faedah hilang upaya kekal, elauan layanan sentiasa, ke-mudahan pemulihan jasmani atau dialisis, faedah pe-ngurusan mayat serta pen-cen penakat. Skim ini dibuka kepada semua wanita yang berumur kurang 55 tahun, sama ada suri rumah se-penuh masa atau tidak, ber-kahwin atau bujang.

Menurut Shafie, dia hanya mengetahui hal itu apabila pihak Pertubuhan Kesela-matan Sosial (PERKESO) menghubunginya berkaitan perkara itu.



NUR Farah

saya di bawah SKSSR dan dengan manfaat diterima ia dapat membantu meringan-kan perbelanjaan harian kami sekeluarga dan masih dapat turun laut.

“SKSSR ini sangat bagus. PERKESO tidak hanya mem-berikan bantuan tetapi me-reka prihatin dan datang melawat. Saya ucap terima kasih kepada mereka,” katanya yang kini menjadi ba-pa dan ibu kepada tiga anaknya iaitu pasangan kembarnya Sofia Azidah dan Sofia Athirah, 21, serta Mohamad Na-bil, 17 di Kuala Bangka, Kota Sarang Semut, Kedah.

Bagi pramugari, Nur Fa-rah Hidayah Mohd Affendi, 28, pengalaman diberhenti-kan kerja semasa Perintah Kawalan Pekerjaan (PKP) di-sebabkan pandemik Co-vid-19 cukup memberi kesan



ORANG ramai menghadiri Karnival Kerjaya MyFutureJobs.



“Oleh itu, bagi mereka yang tidak bekerja, menda-tarlah di portal MyFuture-Jobs dan jika ada panggilan temuduga terbuka dari PER-KESO, pergilah cuba. Ada rezeki dapat kerja,” katanya yang sudah memulakan kembali kerjayanya di awan biru sejak November 2022.

Sementara itu, Penolong Pengurus Bahagian Peran-cangan dan Pengambilan Tenaga Manusia, 99 SPEED-MART Sdn Bhd, Nurul Ain Ismail berkata berdasarkan pengalaman menyertai program anjuran PERKESO

mana mereka boleh men-dapatkan maklumat men-ge-nai majikan dan jawatan ko-song yang diperlukan.

Pelaksanaan sistem mengimbas Kod QR juga memudahkan pencari kerja membuat pendaftaran mak-lumat mereka kepada ma-jikan. Jadi, mereka tidak perlu lagi mengambil masa un-tuk mengisi borang permo-honan.

“Karnival ini juga memu-dahkan pihak syarikat untuk membuat pengambilan te-rus kepada calon yang ber-jaya,” katanya.

Oleh itu, Nurul Ain me-nyeru graduan atau pencari kerja yang masih lagi men-cari pekerjaan mengunjungi karnival itu kerana banyak majikan yang menawarkan peluang pekerjaan dari pel-bagai bidang.

“Gunakanlah peluang yang Perkeso sediakan ini supaya kita dapat meng-uangkan tahap penganggu-ran. Karnival ini juga sudah banyak memberi manfaat kepada pekerja di luar sana,” katanya.

Bermula 11 hingga 12 Fe-bruari ini, Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan PERKESO akan melancar-kan SKSSR dan Karnival Ker-jaya MyFutureJobs di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Oleh itu, semua wanita warganegara Malaysia dan